

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga 9 **Bahagian A** [20 markah]
Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 Hakim menyanyi _____
bermain gitar.
A atau
B tetapi
C sambil

2 _____ ialah ibu negara
Malaysia.
A Jalur Gemilang
B Kuala Lumpur
C Proton Wira

3 _____ memakai baju
Melayu berserta songkok.
A Nenek Milah
B Datuk Hisham
C Pak Belang

4 Kamil memelihara seekor _____.

- A kura-kura
- B kuda-kuda
- C kucing-kucing

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Puan Aini sedang _____
pakaian di ampaian.
A mengait
B menjemur
C membasuh

6 Azmin _____ buku
di bawah pokok pada waktu
petang.
A membeli
B membaca
C membalut

- 7 Abang membawa kami melancong ke _____.
A Perpustakaan Negara
B Kedai Jahit Rosnah
C Indonesia
- 8 Fahmi _____ sekuat hati apabila dikejar anjing.
A melarikan
B dilarikan
C berlari
- 9 Kuih-muih yang dihidangkan kepada _____ sangat sedap.
A jiran
B kawan
C tetamu
- 10 Bau bunga mawar itu sungguh harum.
Pilih **perkataan sinonim** bagi harum.
A wangi
B busuk
C sedap
- 11 Anita suka makan ayam goreng.
Pilih **perkataan antonim** bagi suka.
A marah
B gemar
C benci
- 12 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
I Pisau itu sangat tinggi.
II Pokok kelapa sangat tinggi.
III Budak lelaki itu sangat tinggi.
A I dan II
B II dan III
C I dan III

- 13 Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

Ah Meng membawa _____ ketika melawat rakannya.

- A buah hati
B bekas tangan
C buah tangan

- 14 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Borhan membaca buku di perpustakaan.

- A Perpustakaan baca buku Borhan.
B Buku dibaca oleh Borhan di perpustakaan.
C Dibaca buku di perpustakaan Borhan.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang **betul**.

- 15 A Kain-kain di dalam bakul itu belum dilipat.
B Buku adik disikat dengan baik.
C Abang dibeli ikan di pasar malam.
- 16 A Bas sekolah itu sangat sendat.
B Fazrina berpakaian kemas ketika saya sampai di rumahnya.
C Baju kurung kakak sangat padat.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jam loceng berbunyi tepat pada pukul 6.30 pagi. Hati Badrul berdebar-debar. Badrul bangun lalu masuk ke dalam bilik air. Selepas mandi dan bersiap-siap, Badrul terus ke dapur untuk bersarapan.

Tepat pukul 7.00 pagi, Badrul berjalan kaki ke sekolah. Tidak lama kemudian, loceng berbunyi. Badrul dan murid-murid lain terus beratur mengikut kelas masing-masing di tapak perhimpunan. Cikgu Amira selaku Guru Persatuan Seni telah mengumumkan bahawa keputusan mencipta logo sekolah akan diumumkan pada pukul 10.00 pagi nanti. Hati Badrul semakin berdebar-debar.

Tepat pukul 10.00 pagi, Cikgu Amira mengumumkan keputusan pemenang. Cikgu Amira terus mengucapkan tahniah kepada Badrul. Badrul telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan mencipta logo sekolah. Badrul bersyukur dan berasa sungguh gembira kerana menerima sebuah basikal yang diimpikannya. Dia tidak sabar hendak pulang ke rumah dengan basikal baharu dimenangnya.

17 Apakah yang dilakukan oleh Badrul selepas bangun daripada tidur?

- A Tidur semula
- B Pergi ke sekolah
- C Masuk ke dalam bilik air

18 Bagaimanakah Badrul pergi ke sekolah?

- A Menaiki van sekolah
- B Berjalan kaki
- C Menunggang basikal

19 Pada pukul berapakah keputusan mencipta logo sekolah diumumkan?

- A 6.30 pagi
- B 7.00 pagi
- C 10.00 pagi

20 Mengapakah Cikgu Amira mengucapkan tahniah kepada Badrul?

- A Cikgu Amira mengucapkan tahniah kerana Badrul datang ke sekolah setiap hari.
- B Cikgu Amira mengucapkan tahniah kerana Badrul mendapat tempat pertama dalam pertandingan mencipta logo.
- C Cikgu Amira mengucapkan tahniah kerana Badrul seorang pengawas sekolah yang rajin.